

'Ramadan sesuai untuk muhasabah'

KUALA BERANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta umat Islam bermuhasabah dan berusaha memperbaiki kelemahan diri untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan lebih besar pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, Ramadan yang penuh keberkatan memberi peluang kepada umat Islam bermuhasabah mengenai diri sendiri dan masyarakat serta meningkatkan ibadat kepada Allah.

Katanya, usaha itu penting untuk memperbaiki kekurangan diri dan masyarakat bagi meninggikan lagi syiar Islam di negara ini.

"Mudah-mudahan apa yang dilakukan secara ikhlas ini dapat mengetepikan sikap buruk manakala yang baik pula perlu dipegang supaya kejayaan besar dicapai.

"Saya berdoa, dengan pembinaan masjid ini, penduduk dan ahli kariah gembira dan dapat berhari raya dengan penuh kesyukuran," katanya pada majlis berbuka puasa dan merasmikan Masjid As-Syakirin di Kampung Kuala Ping, di sini, malam tadi:

Selepas berbuka puasa, Perdana Menteri mengimamkan solat Maghrib dan menunaikan solat Tarawih sebelum merasmikan masjid berharga RM2.1 juta yang boleh memuatkan 500 jemaah itu.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Mohd Zin.